

ABSTRAK

ANALISIS EKOSISTEM PERTUMBUHAN KOPERASI DAN HALA TUJU BAGI MENINGKATKAN PRESTASI KOPERASI MIKRO DI MALAYSIA

Oleh

Nurul Fadly Habidin, Nor Arma Abu Talib, Yusman Yacob, Hasrin Abu Hassan,

Amalina Ibrahim

November 2021

Institut Koperasi Malaysia

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti faktor kejayaan kritikal dan membangunkan sistem ekosistem pertumbuhan dan hala tuju bagi meningkatkan potensi koperasi mikro di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga telah mengkaji kesan langsung dan tidak langsung (elemen perlu, elemen penting dan elemen persekitaran) dalam ekosistem koperasi mikro. Sebanyak 225 orang responden merangkumi seluruh Malaysia yang terdiri dari semua fungsi koperasi terlibat dalam kajian ini. Analisis deskriptif dilaksanakan untuk menilai faktor kejayaan kritikal iaitu 11 faktor daripada tiga elemen dalam ekosistem pertumbuhan koperasi mikro di Malaysia. Dapatkan menunjukkan sikap dan budaya, pendidikan koperasi dan polisi perundangan merupakan tiga faktor kejayaan kritikal tertinggi. Berdasarkan dapatan ini, faktor-faktor tersebut merupakan faktor kejayaan kritikal yang terpenting dan memainkan peranan utama dalam memastikan ekosistem pertumbuhan koperasi mikro. Koperasi kluster mikro perlu mengekalkan dan memperkasakan faktor-faktor ini dalam meningkatkan prestasi koperasi mereka. Hasil analisis Model Persamaan Berstruktur (SEM) mendapati bahawa hubungan antara setiap elemen adalah signifikan. Faktor elemen perlu mempunyai pengaruh yang paling tinggi terhadap elemen penting. Ini memberi indikasi bahawa elemen perlu dalam pertumbuhan koperasi sangat penting untuk mempengaruhi elemen penting dalam perkembangan koperasi mikro di Malaysia. Seterusnya, hasil dapatan juga mendapati pemboleh ubah elemen penting merupakan mediator (pengantara) dalam hubungan antara elemen perlu dan elemen persekitaran. Sebagai tambahan, kajian ini juga membangunkan satu sistem pertumbuhan bagi koperasi mikro (EKOPMIK) untuk meningkatkan potensi koperasi mikro di Malaysia. Sistem ini membolehkan pengguna membuat penilaian kendiri, membantu dalam pembinaan perancangan pelan perniagaan dan sebagai tempat menyimpan data secara sistematik. Secara tidak langsung, sistem ini boleh membantu koperasi mikro dalam mengenal pasti potensi koperasi masing-masing dan berusaha untuk meningkatkan potensi mereka. Justeru, menyedari akan kepentingan ekosistem dalam meningkatkan potensi koperasi mikro, maka kajian ini dilaksanakan dan sebagai pemangkin dan pembuka jalan kepada penyelidikan akan datang yang seumpama ini.

Kata kunci: Ekosistem, koperasi mikro, pertumbuhan koperasi mikro, elemen perlu, elemen penting, elemen persekitaran